

**APLIKASI TELEFON PINTAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB:  
SOROTAN LITERATUR TERHADAP MODUL PEMBELAJARAN BERASASKAN  
TEKNOLOGI**

Muhamad Fairuz Ali<sup>1</sup>

**ABSTRAK**

Pada era globalisasi kini, pembelajaran bahasa yang berpaksikan aplikasi e-pembelajaran menjadi salah satu pilihan dalam kalangan pelajar. Kaedah pembelajaran ini mengacu kepada penggunaan teknologi dan platform elektronik dalam proses mengajar dan mempelajari bahasa. Bahasa Arab juga tidak terkecuali dari tempias kemajuan teknologi ini. Pengaruh era pembelajaran abad ke-21 serta revolusi industri 4.0 telah merubah corak pembelajaran seterusnya membawa transformasi besar dalam semua aspek kehidupan termasuk pendidikan. Pembelajaran bahasa Arab juga telah mengalami transformasi daripada pembelajaran dalam kelas, kini pelajar juga boleh mempelajarinya secara kendiri melalui telefon bimbit. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis tema sorotan literatur dalam modul pembelajaran bahasa Arab yang mengaplikasi telefon pintar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kepustakaan dalam mengkaji situasi dan potensi aplikasi telefon pintar sebagai masa depan dalam pembelajaran bahasa Arab. Aplikasi ini seterusnya memberikan kelebihan kepada pelajar dari beberapa aspek seperti kaedah pembelajaran maya, akses tanpa had waktu dan tempat, kaya dengan elemen multimedia yang menarik serta pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Kajian ini turut mengusulkan cadangan penelitian yang lanjut tentang perkembangan serta potensi pembelajaran bahasa Arab menggunakan aplikasi telefon pintar.

Kata kunci: pembelajaran bahasa Arab, aplikasi telefon pintar, pembelajaran abad ke-21.

---

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa Arab, UnIPSAS, Pahang, Malaysia, [mfairuz@unipsas.edu.my](mailto:mfairuz@unipsas.edu.my). Diterima; 10 Oktober 2023.  
Disemak; 19 Oktober 2023. Diterbitkan; 30 November 2023.

# **SMARTPHONE APPLICATIONS IN ARABIC LANGUAGE LEARNING: A LITERATURE REVIEW OF TECHNOLOGY-BASED LEARNING MODULES**

**Muhamad Fairuz Ali**

## **ABSTRACT**

In the current era of globalization, language learning centered around e-learning applications has become a popular choice among students. This learning method refers to the use of technology and electronic platforms in the process of teaching and learning languages. Arabic language learning is no exception to the influence of this technological advancement. The impact of 21st-century learning and the fourth industrial revolution has transformed the landscape of education, bringing significant changes to all aspects of life, including education. Arabic language learning has also undergone a transformation from classroom-based learning, allowing students to learn independently through mobile phones. Therefore, this study aims to analyze the themes highlighted in the literature on Arabic language learning modules that utilize smartphones. The research employs a qualitative and literature-based approach to examine the situation and potential of smartphone applications as the future of Arabic language learning. The application offers advantages to students in various aspects, such as virtual learning methods, unrestricted access to time and place, rich and engaging multimedia elements, and a student-centered learning approach. The study also proposes further research suggestions on the development and potential of Arabic language learning using smartphone applications.

Keywords: Arabic language learning, smartphone applications, 21st-century learning.

## **PENDAHULUAN**

Antara bahasa semakin mendapat tempat dan popular adalah bahasa Arab. Pada masa ini, penutur bahasa ini tidak hanya dalam kalangan masyarakat berbangsa Arab, bahkan turut dituturkan oleh pelbagai bangsa lain dengan tujuan yang tertentu. Mempelajari bahasa ini juga merupakan satu keperluan dan menguasainya mampu memberikan kelebihan kepada penutur bahasa ini (Awaluddin, 2013).

Malaysia turut mendapat respon positif terhadap penerimaan bahasa Arab. Bermula dengan penyebaran Islam ke Tanah Melayu (Sauri, 2020), pada masa ini agama rasmi negara ini adalah Islam. Dengan ini, sudah pasti bahasa Arab juga berkait rapat dengan konsep beragama serta keperluan menguasainya adalah tuntutan salah satu tuntutan daripada agama (Firdaus Yahaya et al., 2013). Dalam aspek yang berbeza, bahasa ini turut dipelajari oleh yang bukan beragama islam dengan tujuan untuk menguasai bahasa baru atau melihat bahasa ini sebagai satu potensi untuk menceburi alam pekerjaan (Hidayah & Muyassaroh, 2023).

Pembelajaran bahasa Arab era moden menyaksikan pelbagai prasarana disediakan oleh pihak pendidik seperti guru dan pensyarah. Pengajaran berdasarkan laman web misalnya turut menyajikan nota bahasa Arab yang mudah diakses oleh pelajar (Saad et al., 2005). Penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab ini dilihat memberi sumbangan dalam peningkatan kemahiran pelajar (Promadi, 2016).

### **Modul Pembelajaran**

Modul bermaksud susunan bahan pembelajaran yang diatur mengacu kepada satu proses di mana pelajar mampu membaca dan membentuk kefahaman yang tersendiri. Guru juga boleh menjadikan muzium sebagai pendekatan dan pelengkap dalam proses pembelajaran (Logan et al., 2021). Dewi & Primayana (2019) menjelaskan bahawa modul adalah sesuatu kandungan pelajaran dalam usaha membantu pelajar memahami pembelajaran kontekstual yang lebih berkesan sama ada pembelajaran secara langsung atau tidak langsung.

Masmudi et al (2022) mentakrikan modul adalah satu bahan kajian akademik yang di uji cuba kepada pelajar sama ada di peringkah sekolah atau universiti. Ia merangkumi himpunan nota, konsep dan kefahaman serta kritikan berkaitan kursus tertentu.

Daripada pendapat di atas, modul boleh ditakrifkan sebagai satu rancangan mengajar yang terdiri daripada unit-unit dan tajuk-tajuk kecil bagi memudahkan kefahaman pelajar. Modul ini seterusnya boleh didapati sama ada di pasaran atau sebaran melalui institusi pendidikan. Modul ini berasaskan kumpulan sasaran dan tujuan pembelajaran yang tertentu (Ummu Nasibah & Abd Ghani, Muhammad Izuan Mat Shaid@Ms Shaid, 2015)

## **Modul elektronik**

Modul ini semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar bahasa Arab seiring dengan pembelajaran abad ke-21 dan Revolusi Industri 4.0 (Koderi, 2017). Menurut Pimada & Amrulloh (2020), modul ini merupakan transformasi daripada bentuk konvensional kepada bentuk digital yang mempunyai sistem yang tersendiri. Transformasi yang disebut sebagai e-pembelajaran ini seiring dengan kemunculan modul elektronik ini adalah usaha untuk menggalakkan pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian yang semakin berkembang pesat bersama kemajuan teknologi.

Sebagai contoh, Getuno et al., (2015) menegaskan kelebihan modul jenis ini berpotensi menjadi sebuah sumber rujukan yang berkesan bagi pelajar serta ia meliputi ciri-ciri pembelajaran yang tersendiri. Malaysia tidak terkecuali menerima tempias kemajuan ini apabila e-pembelajaran telah bertapak dan berjalan di negara ini.

Pada masa kini pada pembelajaran bahasa Arab melalui modul sedang tersebar luas lebih-lebih lagi kesan penularan pandemik covid-19 pelajar menggunakan pembelajaran dalam talian (Desrani & Zamani, 2021). Walaupun modul elektronik ini berkembang pesat, terdapat juga jurang ketara dalam pengajaran Arab di Malaysia berkaitan e-pembelajaran ini. Antaranya adalah kekurangan bahan dan nota berkaitan bahasa Arab lebih-lebih lagi menggunakan teknologi maklumat (Fariyah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2020).

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengupas kelebihan modul pembelajaran bahasa Arab berasaskan aplikasi telefon pintar pada masa kini.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian berkaitan modul pembelajaran bahasa Arab telah dijalankan oleh Fariyah (2020), Ahmad kilani et al (2003), Azhan dan Azmi (2018) dan Ummu Nasibah et al (2015). Kajian Fariyah et al (2020) mendapati penggunaan modul sama ada bercetak atau secara dalam talian adalah wajar dan mempengaruhi pembelajaran yang kondusif. Kajian ini juga mencadangkan agar modul sebegini diperbanyak agar pembelajaran bahasa Arab dapat berjalan dengan lebih menyeronokkan dan berkesan.

Kajian Ahmad kilani et al (2003) berkisar modul bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar Pengajian Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Beliau merumuskan pembelajaran menggunakan perisian terkini adalah merupakan kaedah menarik dalam usaha menggalakkan pelajar mempelajari bahasa Arab. Kaedah ini juga menjadikan para pelajar bermotivasi dan bersemangat untuk mempelajari bahasa Arab kerana mempunyai suasana yang berbeza daripada sebelumnya.

Kajian Azhan dan Azmi (2018) adalah berdasarkan kepada modul pembelajaran bahasa Arab melalui aplikasi telefon pintar. Beliau menjalankan kajian kepada 60 pelajar semasa cuti semester dan perbincangan dijalankan melalui aplikasi WhatsApp. Hasil bantuan aplikasi ini, para pelajar dilihat lebih berminat dan melibatkan diri dalam perbincangan yang dijalankan. Kajian pembelajaran bahasa menggunakan aplikasi ini turut dikaji oleh Hartatik & Lestari (2021) yang menyarankan pendidik perlu memanfaatkan whatsapp dalam pembelajaran pelajar.

Ummu Nasibah et al (2015) mereka bentuk modul pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia dengan menggunakan model ADDIE. Satu modul dihasilkan dan mampu menepati objektif yang ingin dicapai serta menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar USIM lebih efektif.

Secara kesimpulannya, pembelajaran bahasa Arab menggunakan modul berteknologi adalah memberi kesan yang lebih kepada pelajar. Justeru, kajian ini akan menganalisis tema sorotan literatur dalam modul pembelajaran bahasa Arab yang mengaplikasi telefon pintar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pendekatan kepustakaan. Kaedah ini merujuk kepada pengumpulan data melalui kajian ke atas sorotan literatur serta kajian-kajian lampau. Data sekunder yang diolah, dianalisis secara deskriptif dan disusun mengikut beberapa tema iaitu berkaitan kelebihan pembelajaran bahasa Arab menggunakan aplikasi telefon pintar dalam era digital.

## **HASIL KAJIAN**

Aplikasi telefon pintar merupakan salah satu contoh revolusi pembelajaran pada masa kini. Peranan aktif teknologi dalam pembelajaran ini menawarkan potensi untuk membantu pelajar menguasai pembelajaran bahasa Arab pada era digital ini. Berikut adalah beberapa kelebihan pembelajaran bahasa Arab melalui aplikasi telefon pintar.

### **Kaedah Pengajaran Berhikmah**

Kaedah pembelajaran yang berhikmah melibatkan penggunaan teknologi seperti telefon pintar pada hari ini menjadikan guru boleh menyebarkan maklumat dan ilmu dengan lebih cepat dan mudah (Mohid et al., 2015). Dalam masa yang sama, aplikasi ini mampu memberi kesan maksimum kepada pelajar dengan animasi, persembahan grafik dan gambar yang lebih menarik.

Penggunaan kaedah ini juga bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَلَّهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ١٢٥

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahasa dengan mereka yang engku serukan itu dengan cara yang baik. Sesungguhnya, Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan dia juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Hikmah dalam ayat ini membawa maksud sesuatu yang tepat dan betul. Dalam konteks pembelajaran melalui aplikasi telefon pintar, kaedah ini adalah bertepatan dengan suasana pembelajaran pada masa kini yang lebih pantas, meluas dan memerlukan kesan yang lebih mendalam kerana generasi pada hari ini lebih gemar dan tertarik akan animasi dan paparan grafik.

### **Modul Mengikut Keperluan Sasaran Pelajar**

Seiring dengan kesedaran dan kecintaan yang mendalam terhadap bahasa Arab (Daud, 2015), banyak pihak telah menghaislkan modul yang memenuhi kehendak kumpulan sasaran masing-masing. Kajian-kajian dari Mohamed Solah (2016), Ahmad Saaduddin et al (2013), Suhaila Zailani & Nur Afifah Fadzil (2014), serta Mohamad Fairuz et al (2019), adalah mengkaji keberkesanannya dari pembentukan modul bahasa Arab dan hanya tertumpu kepada keperluan kumpulan sasaran.

Mohamed Solah (2016) contohnya mengkaji berkaitan modul bahasa Arab berkaitan komunikasi para haji. Ahmad Saaduddin et al (2013) pula mengkaji keberkesanannya modul kursus bahasa Arab dalam kalangan para imam bagi tujuan peningkatan kualiti kerja. Kedua-dua modul ini sememangnya berfokus kepada golongan yang disasarkan sahaja.

Kajian Suhaila Zailani & Nur Afifah Fadzil (2014) terhadap modul-modul bahasa Arab juga mendapati pentingnya menerapkan tatabahasa dalam modul namun tidak perlu ditekankan sehingga ke tahap tinggi dan menjadi beban kepada pelajar. Mohamad Fairuz et al (2019) pula mengkaji keberkesanannya modul bahasa Arab menggunakan penceritaan kartun dalam menyampaikan maklumat dan ilmu. Kesemua modul ini hanya dikhususkan kepada kumpulan sasaran masing-masing.

### **Konsep Bilik Darjah Kepada Pembelajaran Kendiri**

Kajian oleh Kessler (2018) pula mendapati terdapat kelemahan dalam pembelajaran dalam kelas selalunya melibatkan ramai pelajar. Guru tidak mampu menyampaikan maklumat dengan berkesan sekiranya terlalu ramai pelajar yang berada dalam masa yang sama. Kessler juga menganggap

konsep pembelajaran bilik kuliah perlu diterjemahkan kepada persekitaran yang baharu seiring dengan perubahan teknologi semasa.

Mahamod & Lim (2021) berpendapat, semakin ramai pelajar dalam satu kelas, semakin kurang interaksi guru dengan pelajar seorang demi seorang menjadikan penglibatan pelajar dalam proses PDP terbatas.

Sebagai alternatif kepada fenomena ini, kajian Azhan dan Azmi (2018) menjelaskan dengan penggunaan aplikasi telefon pintar ini, pelajar boleh mengakses maklumat dan pembelajaran meskipun ketiadaan pensyarah di dalam dewan kuliah ataupun semasa pembelajaran kendiri. Mereka mempunyai banyak pilihan aplikasi yang boleh dimuat turun untuk proses pembelajaran.

Aplikasi juga boleh dimainkan di iPad atau komputer serta mempunyai nilai tambah yang menarik berdasarkan kepada kreativiti guru, pendidik atau syarikat pengeluar. Pelajar boleh mengakses kesemua maklumat dan pelajaran ini pada bila-bila masa dan menyimpannya dalam memori. Pelajar juga boleh menyambung pembelajaran tanpa terhalang oleh masalah-masalah seperti ketiadaan guru, faktor kesihatan, cuaca, gangguan bunyi dan sebagainya (Godwin-Jones, 2011).

Aplikasi telefon pintar ini juga boleh dijadikan sokongan semasa proses pembelajaran kendiri di luar waktu kuliah. Penggunaan modul ini juga berlaku tanpa melibatkan batasan tempat dan masa. Sekiranya pelajar dapat mengakses pencapaian nota dan maklumat di luar bilik darjah, sudah pasti ini akan memberi peluang kepada mereka untuk membeli pembelajaran kendiri seterusnya meningkatkan kemahiran Insaniah di samping menggunakan peralatan teknologi (Mohammad Taufiq Abdul Ghani et al., 2019)

### **Berpusatkan pelajar**

Pendekatan pembelajaran kendiri selaras dengan matlamat transformasi pendidikan Malaysia yang menghasratkan pembelajaran yang berpusatkan pelajar (Mohammad Taufiq Abdul Ghani et al., 2019). Ia bukan sahaja menjadikan pelajar ini lebih berdisiplin, malah menyediakan mereka sebagai generasi alaf baru yang mampu menangani cabaran abad 21 (KPM, 2013).

Melalui aplikasi telefon pintar ini, pelajar juga boleh akses kepada nota dan sesi pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja (Godwin-Jones, 2011). Pelajar atau pengguna hanya perlu memiliki talian internet untuk memuat turun atau mengikuti arahan yang diberikan. Ia amat membantu bagi pelajar yang sedang bekerja atau sibuk dengan tugasan harian.

Selain itu, pelajar boleh mempelajari sesuatu secara kendiri dengan merancang, mengatur pembelajaran, mengulangkaji serta memantau kemajuan. Dengan adanya aplikasi telefon pintar ini, pelajar akan sering mengikuti pembelajaran yang lebih efektif dan fleksibel agar sentiasa

bermotivasi dalam memastikan adanya peningkatan akademik dalam topik yang dipelajari (Nawi, 2017).

Dengan demikian, penggunaan aplikasi telefon pintar ini menjadikan pembelajaran bahasa Arab itu lebih menyeronokkan lebih-lebih lagi dengan pembinaan modul ini mengikut kehendak dan saranan dari pelajar itu sendiri. Oleh yang demikian, pelajar akan bertambah minat untuk akses kepada modul ini dengan sendiri. Pengintegrasian antara psikologi dan minat serta persembahan maklumat ini pasti akan meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar (Li et al., 2018).

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN**

Kertas kerja ini merumuskan bahawa aplikasi telefon pintar amat berpotensi dalam pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab. Dengan perkembangan teknologi dan telekomunikasi pada masa kini, aplikasi telefon pintar sangat berpotensi terutama dalam memberikan satu alternatif kepada pelajar di luar kelas. Antara beberapa faktor yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut:

1. Aplikasi telefon pintar memiliki potensi besar dalam pembelajaran bahasa Arab yang lebih efektif efisien dan fleksibel. Pembelajaran ini memungkinkan seseorang mempelajari bahasa daripada sumber yang pelbagai dan guru yang berada di negara yang lain merentas batasan geografi secara global.
2. Pendidikan pula menjadi lebih mudah dengan pelajar mampu akses kepada pembelajaran secara kendiri. Pelajar boleh mengatur jadual, tempoh masa, latihan dan mengulang kaji tajuk yang tidak difahami.
3. Aplikasi telefon pintar ini juga menawarkan kandungan-kandungan yang pelbagai seperti kuiz, latihan dan permainan yang mampu menjadikan pembelajaran lebih menarik dan meningkatkan motivasi pelajar.
4. Kolaborasi antara pembelajaran dan teknologi menjadikan hasilnya sebagai satu yang berguna kepada komuniti masyarakat yang menjadikan masyarakat lebih cerdas, berilmu dan mengamalkan teknologi ke arah kebaikan serta kehidupan yang lebih maju dan berdaya saing.

## **RUJUKAN**

Awaluddin. (2013). *Aplikasi Nahu Dalam Komunikasi Bahasa Arab*. 1–168.  
[http://studentsrepo.um.edu.my/5394/1/AWALUDDIN\\_Pdf.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5394/1/AWALUDDIN_Pdf.pdf)

Azhan, N., & Azmi, N. (2018). PEMBELAJARAN KOLABORATIF PINTAR DALAM PEMBELAJARAN NAHU Collaborative Learning Through ... *E JURNAL PENDIDIKAN DAN INOVASI*, 4 NO 1(e-ISSN 2289-7909), 22.

Daud, A. F. B. C. (2015). Aplikasi tatabahasa dalam membaca teks Arab dalam kalangan pelajar ipita. *Universiti Putra Malaysia*, 1–30.

- Desrani, A., & Zamani, D. A. (2021). Pengembangan Kurikulum Pembelajaran Bahasa Arab di Masa Pandemi Covid-19. *Jurnal Alfazuna: Jurnal Pembelajaran Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*, 5(2), 2014–2234.
- Dewi, P. Y. A., & Primayana, K. H. (2019). Effect of learning module with setting contextual teaching and learning to increase the understanding of concepts. *International Journal of Education and Learning*, 1(1), 19–26.
- Fariyah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, M. A. L. A. L. & M. Z. J. (2020). AMALAN BAHAN BANTU PENGAJARAN GURU DALAM PENGAJARAN NAHU KURIKULUM BERSEPADU DINI SEKOLAH AGAMA. *Jurnal 'Ulwan*, 5, 134–145.
- Firdaus Yahaya, M., Sabri Sahrir, M., & Shahrizal Nasir, M. (2013). Pembangunan laman web ez-arabic sebagai alternatif pembelajaran maya bahasa Arab bagi pelajar sekolah rendah Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)*, 61(1), 11–18.  
<https://doi.org/10.11113/jt.v61.1676>
- Getuno, D. M., Kiboss, J. K., Changeiywo, J. M., & Ogola, L. B. (2015). Effects of an E-Learning Module on Students' Attitudes in an Electronics Class. *Journal of Education and Practice*, 6(36), 80–86.
- Godwin-Jones, R. (2011). *Mobile apps for language learning*.
- Hartatik, S. F., & Lestari, H. D. (2021). Penggunaan WhatsApp sebagai Media Komunikasi Pembelajaran Bahasa Inggris. *Jurnal Nomosleca*, 7(1), 45–56.  
<https://doi.org/10.26905/nomosleca.v7i1.5535>
- Hidayah, N., & Muyassaroh, L. (2023). Pembelajaran Bahasa Arab Bagi Non Muslim Berbasis Moderasi Beragama di Sekolah Umum. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 9(3), 192–197.
- Kessler, G. (2018). Technology and the future of language teaching. *Foreign Language Annals*, 51(1), 205–218. <https://doi.org/10.1111/flan.12318>
- Koderi, K. (2017). Pengembangan modul elektronik berbasis SAVI untuk pembelajaran bahasa Arab. *JTP-Jurnal Teknologi Pendidikan*, 19(3), 206–223.
- KPM. (2013). Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. *Education*, 27(1), 1–268.  
<http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Li, K. C., Lee, L. Y.-K., Wong, S.-L., Yau, I. S.-Y., & Wong, B. T.-M. (2018). Effects of mobile apps for nursing students: learning motivation, social interaction and study performance. *Open Learning: The Journal of Open, Distance and e-Learning*, 33(2), 99–114.
- Logan, R. M., Johnson, C. E., & Worsham, J. W. (2021). Development of an e-learning module to facilitate student learning and outcomes. *Teaching and Learning in Nursing*, 16(2), 139–142.
- Mahamod, Z., & Lim, N. R. (2021). Kepelbagaiannya kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51–65.

- Mohamad, F., Bahasa, F., Malaya, U., & Lumpur, K. (2019). *No Title*. 3(December), 1–16.
- Mohamed, A. K., Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2003). Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM. *Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges, March 2003*, 1–12.  
[http://eprints.utm.my/22607/1/AhmadK2003\\_PermasalahanPengajaranNahuBahasaArab.pdf](http://eprints.utm.my/22607/1/AhmadK2003_PermasalahanPengajaranNahuBahasaArab.pdf)
- Mohamed, M. S. (2016). *Keperluan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah : Satu Analisis Kajian the Need of Arabic Module for the Purpose of Hajj and Umrah : an Analytical Research*. 70–85.
- Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Wan Ab Aziz Wan Daud, & Mohammad Najib Jaffar. (2019). Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun Berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 84–94.
- Mohid, S. Z., Hazizy, M., Joha, M., Zaidi, A., Sofi, M., Rahman, N. A., & Khalid, N. (2015). Reka Bentuk Dan Pembangunan Komik Digital Interaktif Dalam Pendidikan. *Proceeding of IC-ITS 2015, June*, 280–285. <http://fstm.kuis.edu.my/icits/proceeding/fullpapers/IC-ITS 2015 - IT 081.pdf>
- Nawi, A. (2017). Potensi penggunaan aplikasi mudah alih (mobile apps) dalam bidang pendidikan Islam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 2(2).
- Pimada, L. H., & Amrulloh, M. A. (2020). Penerapan media elektronik pada pembelajaran bahasa Arab. *Lahjah Arabiyah: Jurnal Bahasa Arab Dan Pendidikan Bahasa Arab*, 1(2), 120–128.
- Promadi. (2016). PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB MELALUI KELAS MAYA. In *Universiti Putra Malaysia*.
- Sa, A., Bin, A., & Abdullah, A. F. B. (2013). *MODUL PENGUKUHAN BAHASA ARAB UNTUK IMAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 40450 SHAH ALAM , SELANGOR MALAYSIA DISEDIAKAN OLEH : BURHANUDDIN BIN WAHAB ISI KANDUNGAN*.
- Saad, R. B. M., Ismail, Z. Bin, & Abdullah, W. N. B. W. (2005). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berdasarkan web. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Baru Lintang*, 15–16.
- Sauri, S. (2020). Sejarah Perkembangan Bahasa Arab Dan Lembaga Islam. *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 5(1), 73–88.
- Suhaila Zailani, & Nur Afifah Fadzil. (2014). Penggunaan Modul dan Buku Bahasa Arab untuk Orang Awam. *Al-Hikmah*, 6(2), 65–77.
- Ummu Nasibah, N., & Abd Ghani, Muhammad Izuan Mat Shaid@Ms Shaid, N. (2015). Model Addie Dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran: Bahasa Arab Tujuan Khas Di Universiti. *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching ISeLT 2015*,

2021(February), 1–6. file:///C:/Users/USER/Downloads/ISeLT 2015-ADDIE dalam modul pengajaran.pdf

مصمودي, حفصة, الشابي, & سعاد/مؤطر. (2022). الاخطاء اللغوية في منكرة الماستر تعليمية اللغة العربية. جامعة احمد دراية-ادرار.

[mfairuz@unipsas.edu.my](mailto:mfairuz@unipsas.edu.my)

0133111002

Pensyarah, Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah